

23 FEB 2003

NAM-ULASAN BERITA/I

PERKONGSIAN WAWASAN DR MAHATHIR DAN VAJPAYEE

PETALING JAYA, 23 Feb (Bernama) -- Jika diteliti ucapan Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee, di Forum Perniagaan NAM di sini hari ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat perkongsian pandangan antara beliau dengan pemimpin Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Vajpayee telah membuat gesaan ke arah pembaharuan kerangka kewangan antarabangsa, seruan yang berkali-kali diulangi oleh Perdana Menteri Malaysia itu, khususnya berikutan krisis kewangan Asia pada 1997-1998.

Ketika itu, Malaysia telah dilanda oleh kegiatan penyangak mata wang dan menyuarakan cadangan supaya halangan dikenakan ke atas aliran keluar kewangan yang mendadak, yang selalunya memberi kesan buruk kepada ekonomi-ekonomi yang terjejas.

Vajpayee turut menyeru supaya levi dikenakan ke atas aliran kewangan antrabangsa, yang sejajar dengan cadangan Dr Mahathir supaya dikenakan cukai prasarana untuk membantu projek-projek prasarana di negara-negara miskin.

Bercakap di forum yang menumpu kepada kerjasama Selatan-Selatan di sini hari ini, Vajpayee berkata beliau percaya telah tiba masanya pembaharuan dilakukan.

"Ia digabungkan dalam satu langkah yang berkesan untuk melindungi ekonomi lemah daripada kemudah ruapan modal, meningkatkan keyakinan menerusi kestabilan pasaran modal dan menjana sumber pembangunan," katanya.

Dan Vajpayee telah menyatakan apa yang Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, mahu: perkongsian wawasan bagi mencergaskan NAM.

Perdana Menteri India itu telah mengesyorkan levi untuk Tabung Menghapus Kemiskinan Dunia dan mengunjurkan cukai serendah suku peratus ke atas aliran kewangan semasa boleh menjana pendapatan tahunan setinggi AS\$300 bilion (RM1,140 bilion).

Dalam cadangan Dr Mahathir pula, yang pertama kali dibentangkan di Forum Boao untuk Asia di Hainan, China pada Februari 2001, dicadangkan supaya;

- * Cukai dikenakan ke atas negara kaya mengikut skala;
- * Hasil cukai digunakan untuk membina projek-projek prasarana di negara miskin; dan
- * Institusi antarabangsa sedia ada digunakan untuk menjalankan tugas kutipan cukai dan menjalankan projek yang dikenalpasti oleh negara penerima bersama-sama dengan pengurus Tabung Prasarana.

Cadangan kedua-dua Dr Mahathir dan Vajpayee patut diberi perhatian serius dan segera.

Tan Sri Nor Mohd Yakcop, penasihat khas ekonomi kepada Dr Mahathir mengenai hal-ehwal ekonomi, pernah menjelaskan kenapa Dr Mahathir memilih cukai prasarana.

Nor berkata ketahui ramai bahawa pembinaan dan peruntukan prasarana merangsang aktiviti ekonomi.

"Apabila jalanraya dan landasan keretapi dibina, bandar-bandar baru muncul. Pengeluar tempatan tidak hanya akan mendapat pasaran baru di bandar-bandar baru tetapi juga akan dapat memasarkan pengeluaran mereka di tempat-tempat yang jauh, termasuk negara-negara asing.

"Dengan prasarana, semua jenis aktiviti perniagaan baru akan membangun dan orang ramai akan mendapat manfaat daripada aktiviti-aktiviti ini.

"Pembinaan prasarana itu sendiri akan mewujudkan pekerjaan bagi penduduk tempatan, membina pasaran bagi pengeluaran mereka dan mendapat

harga yang lebih baik. Begitu juga dengan penyelenggaraan prasarana-prasarana ini.

"Tetapi yang kaya juga akan meraih habuan masing-masing kerana hanya mereka yang dapat menyediakan teknologi, mesin-mesin canggih dan kemahiran kejuruteraan. Sebahagian wang dari tabungan itu akan kembali ke negara-negara kaya dalam bentuk pendapatan para kontraktor dan pembekal mereka."

Nor berkata Tabung Prasarana dan projek yang disyorkan akan mewujudkan situasi menang-menang yang memberi faedah kepada yang kaya dan miskin dan mewujudkan dunia yang lebih maju dan kaya.

Jumlah yang akan dikutip kira-kira AS\$9.4 bilion (RM35.72 bilion) setahun atau AS\$188 bilion ((RM714.4 bilion) untuk 20 tahun. Jumlah ini, jika dilaburkan secara bijak dalam projek-projek prasarana di negara miskin, akan meningkatkan standard kehidupan di negara-negara miskin dengan cepat ke paras yang lebih baik.

Dalam dunia di mana lebih separuh penduduknya tidur dalam kelaparan setiap malam, kata Nor, langkah negara kaya untuk negara miskin menerusi mekanisma cukai yang dicadangkan akan memberi kesan besar ke arah menjadikan dunia satu tempat yang lebih baik untuk diduduki.

Thaksin dari Thailand, berharap para anggota NAM mempamerkan pemikiran positif dan bekerjasama, dan mengeneipkan sebarang perbezaan.

NAM, katanya, perlu menjalin strategi bersama dan menumpu kepada program-program kerja khusus yang berorientasikan kaputusan.

Mungkin, cadangan-cadangan ini boleh membantu anggota NAM bergerak ke hadapan untuk meraih hasilnya dan memberi cahaya harapan kepada berjuta-juta orang yang menunggu kepapaan mereka dihapuskan, kehidupan mereka diperbaiki, dan anak-anak mereka lahir dengan masa depan yang lebih baik. -- BERNAMA

SHY FR JR